

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat usaha untuk memperkenalkan semula laluan udara Alor Setar-Kota Bharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, rekod menunjukkan tiada syarikat penerbangan yang beroperasi di laluan Alor Setar-Kota Bharu semenjak 10 tahun yang lepas. Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara untuk melaksanakan penerbangan terus atau menambah kekerapan penerbangan bagi destinasi-destinasi domestik termasuk laluan Alor Setar-Kota Bharu.
2. Walau bagaimanapun, keputusan untuk melaksanakan penerbangan bagi laluan ini adalah merupakan keputusan komersial syarikat penerbangan yang akan ditentukan berdasarkan kepada daya maju komersial (*commercial viability*) laluan.

Sekian, terima kasih.